

**Kuala Lumpur**

## **Kaji polisi tak mesra koperasi**

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) berharap dapat melaksanakan langkah transformasi kepada sektor koperasi negara yang dilihat mampu menggerakkan fungsi institusi itu secara menyeluruh.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sehingga kini, koperasi bersaiz besar di Malaysia adalah koperasi kredit yang memberi perkhidmatan pembiayaan seperti pinjaman peribadi kepada ahlinya.

Beliau berkata, tujuan transformasi yang mahu dilakukan itu adalah selari dengan hasratnya bagi mengubah peranannya dan tidak hanya memfokuskan kepada bidang tertentu.

“Tujuan kita tubuhkan koperasi untuk memberi khidmat kepada ahlinya supaya dapat menambah baik taraf hidup, ekonomi dan sosial.

“Sebagai contoh di Korea dan Jepun, kebanyakan aktiviti harian adalah membabitkan koperasi dan semua ahli akan sertainya dan perkara berkenaan adalah sebaliknya di Malaysia.

“Ini adalah cabaran yang perlu kami sahut dan penghormatan kepada Angkasa untuk mengubah situasi ini kerana ia sebenarnya membawa peranan institusi koperasi



**Sebagai contoh di Korea dan Jepun, kebanyakan aktiviti harian adalah membabitkan koperasi dan semua ahli akan sertainya dan perkara berkenaan adalah sebaliknya di Malaysia”**

**Abdul Fattah**

ke peringkat yang lebih besar,” katanya ketika ditemui selepas pertemuan bersama Majlis Penasihat Kerajaan (MPK) di sini, semalam.

Menurutnya, dasar, undang-undang serta polisi yang bersifat ‘tidak mesra’ kepada koperasi perlu dikaji semula atau dihapuskan agar institusi itu mampu tampil sebagai penyumbang yang lebih berkesan kepada negara.